



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 6 TAHUN 2017

**PERLANJUTAN TEMPOH
PENGURANGAN JUMLAH PERATUSAN
BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN
BAGI PROJEK PERUNDINGAN
YANG KURANG DARI RM50,000.00**

Pejabat Bendahari

10 Julai 2017

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 7(6)

10 JULAI 2017

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.6/2017

PERLANJUTAN TEMPOH PENGURANGAN JUMLAH PERATUSAN BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN BAGI PROJEK PERUNDINGAN YANG KURANG DARI RM50,000.00

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai perlanjutan tempoh pengurangan jumlah peratusan Bayaran Pengurusan Perundingan bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000.00 kepada 15% sahaja berbanding jumlah asal bayaran 20% (bagi klien sektor kerajaan) atau 25% (bagi klien sektor swasta) untuk tempoh setahun lagi sehingga 14 Mac 2018.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengurangan jumlah peratusan bayaran pengurusan perundingan bagi projek perundingan kurang dari RM50,000 dikurangkan kepada 15% dari jumlah peratusan asal iaitu 20% atau 25 % agar kumpulan projek mendapat lebih faedah dan projek lebih kompetitif.
- 2.2 Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5/2016 iaitu Pengurangan Jumlah Peratusan Bayaran Pengurusan Projek Perundingan Bagi Projek Perundingan Yang Kurang dari RM50,000 telah diedarkan pada 14 Mac 2016 untuk tempoh percubaan hanya setahun sahaja dan tempoh berkenaan telah tamat pada 14 Mac 2017.
- 2.3 Perlanjutan tempoh pengurangan jumlah peratusan Bayaran Pengurusan Perundingan bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000.00 telah

diluluskan oleh Majlis Eksekutif Bil. 6/2017 adalah untuk **tempoh perlanjutan setahun lagi** dan akan tamat pada 14 Mac 2018.

3.0 PEMAKAIAN DAN PINDAAN SURAT PEKELILING BIL.5/2016

- 3.1 Oleh itu Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5/2016 dipinda pada para 5.1 iaitu kepada "Peraturan ini adalah berkuat kuasa sehingga tamat **tempoh perlanjutan setahun lagi** iaitu dari 15 Mac 2017 hingga **tamat pada 14 Mac 2018**". Manakala lain-lain para adalah tidak berubah.
- 3.2 PTJ juga hendaklah mematuhi segala peraturan yang digariskan dalam Garis Panduan Perundingan melalui Pekeliling Bendahari Bil.3/2015.

Sekian, terima kasih.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,



KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
DA/UPP/2017

DOKUMENINI MILIK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**BUTIR-BUTIR KEPUTUSAN MAJLIS EKSEKUTIF UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA MELAKA YANG BELUM DISAHKAN**

**MESYUARAT : BILANGAN 6 /2017
TARIKH : 22 JUN 2017**

- 4.11 Kertas Kerja Bil.55/2017 - Perlanjutan Tempoh Pengurangan Jumlah Peratusan Bayaran Pengurusan Perundingan Bagi Projek Perundingan Yang Kurang Dari RM50,000.00.**
- 4.11.1 Kertas kerja ini disediakan bagi memohon pertimbangan dan perakuan Mesyuarat Majlis Eksekutif atas cadangan Perlanjutan Tempoh Pengurangan Jumlah Peratusan Bayaran Pengurusan Perundingan Bagi Projek Perundingan Yang Kurang Dari RM50,000 Untuk Kekal 15% Bagi Tempoh Setahun Lagi.
- 4.11.2 Projek perundingan bukan sahaja dapat menjana kewangan Universiti tetapi yang lebih penting ialah dapat menjalinkan hubungan yang erat antara universiti dengan industri berserta kesefahaman yang boleh diwujudkan melalui hubungan kerjasama pintar kedua-dua pihak seperti salah satu misi UTeM yang tertulis iaitu menjadi “Perkongsian Pintar Universiti-Industri”.
- 4.11.3 Sebagai rujukan projek perundingan, Garis Panduan Perundingan telah disediakan dan diedarkan untuk rujukan semua PTj pada 20 Oktober 2015. Pengurangan jumlah peratusan bayaran pengurusan perundingan bagi projek perundingan kurang dari RM50,000 dikurangkan kepada 15% daripada jumlah peratusan asal iaitu 20% atau 25 % agar kumpulan projek mendapat lebih faedah dan projek lebih kompetitif. Bagi tujuan pemakluman kepada staf berkaitan pengurangan ini, Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5/2016 iaitu Pengurangan Jumlah Peratusan Bayaran Pengurusan Projek Perundingan Bagi Projek Perundingan Yang Kurang dari RM50,000 telah diedarkan.
- 4.11.4 Permohonan perlanjutan tempoh pengurangan dicadangkan kerana pengurangan asal yang diperakui dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 5/2015 dan diluluskan oleh Majlis Eksekutif Bil. 2/2016 adalah untuk tempoh percubaan hanya setahun sahaja dan telah tamat iaitu dari 14 Mac 2016 hingga 14 Mac 2017 dan perlu disemak semula.
- 4.11.5 **Keputusan:** Mesyuarat mengambil maklum perkara ini dan bersetuju agar tempoh pengurangan jumlah peratusan bayaran pengurusan perundingan bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000.00 dilanjutkan untuk tempoh 1 tahun lagi.

Tindakan: Bendahari